

A decorative banner with a central rectangular box containing the text "BAB DUA". The banner has a ribbon-like appearance with folded ends on both sides.

BAB DUA

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Apabila mengkaji tentang strategi pembelajaran bahasa, sebenarnya ia melibatkan aspek perancangan, pemikiran, sikap, tingkahlaku dan tindakan pelajar yang spesifik semasa menjalani proses pembelajaran. Tidak dapat dinafikan bahawa ia juga berkait dengan pendekatan kurikulum sebagai landasan dalam melaksanakan sistem pembelajaran dan pengajaran bahasa dan peranan guru sebagai tenaga pengajar dan fasilitator yang mencetuskan situasi tertentu dan seterusnya membimbing pelajar ke sasaran tertentu dalam usaha menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

2.2 Definisi Strategi, Pembelajaran dan Bahasa

Strategi bermaksud rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan (Kamus Dewan, 1996: 1305).

Penulis mendapati kekeliruan sering berlaku dalam memahami konsep strategi, pendekatan, kaedah dan teknik. Strategi memaparkan kebijaksanaan guru dan pelajar yang bersifat eklektik dan kreatif semasa menyunting, memilih dan mengaplikasi mana-mana atau sebahagian dari pendekatan, kaedah atau teknik yang sesuai mengikut keperluan tahap dan kemampuan dan seterusnya digabungjalinkan dalam satu set aktiviti bertujuan untuk menyerap sebanyak mana pengetahuan, merebut seberapa banyak peluang dan mengatasi sebarang masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Kamarudin Hj.Husin (1994: 30-31) mendefinisikan strategi sebagai satu perancangan atau satu operasi. Ia boleh juga diertikan sebagai satu aktiviti pengurusan atau kaedah yang digunakan untuk-mencapai sesuatu matlamat. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, istilah ini merujuk kepada satu set aksi pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan mencapai matlamat yang diperlukan.

Menurut beliau lagi, pendekatan pula bermaksud perihal mendekati. Dalam bidang pendidikan, pendekatan merujuk kepada beberapa teori yang berkaitan dengan sifat-sifat semulajadi pembelajaran. Ia menghidangkan pelbagai prinsip yang menjadi pegangan dalam sesuatu pengajaran. Pendekatan biasanya mencerminkan satu pandangan atau satu falsafah dan bersifat aksiomatik.

Kaedah pula adalah satu prosedur bagi membolehkan pelaksanaan satu pengajaran yang teratur, kemas dan sistematik. Ia melibatkan langkah-langkah pengajaran yang tersusun rapi dan kesinambungan yang perlu dituruti dengan saksama bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran.

Teknik adalah cara atau bentuk yang digunakan di peringkat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kamus Dewan (1996: 17) mendefinisikan belajar sebagai berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan (sesuatu kepandaian), menuntut ilmu pengetahuan, menjalani latihan dan sebagainya. **Pembelajaran** pula bermaksud proses atau kegiatan belajar (Kamus Dewan, 1996: 18).

Stephen D. Krashen (1981) dalam R. Ellis (1985: 261-166) telah memperkenalkan Teori Monitor yang membezakan antara pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Berdasarkan teorinya, pembelajaran secara formal berfungsi sebagai monitor yang bertanggungjawab menapis maklumat yang diperolehi dan membentuk kelancaran, kefasihan dan kesahihan bahasa semasa menghasilkan output. Ia dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti waktu, variasi individu, aptitud dan atitud serta lingkungan linguistik yang formal dan tidak formal.

Pelajar tidak hanya sekadar hadir dan mendengar syarahan guru semasa belajar tetapi ia perlu melibatkan proses intelektual dan pemikiran yang kritis di samping pengawalan emosi, ketahanan mental dan pergerakan fizikal. Gabungan proses ini diperlukan ketika membuat perancangan dan persediaan sebelum belajar, menyertai aktiviti semasa belajar dan membuat penilaian dan ulangkaji selepas belajar.

Bahasa pula didefinisikan sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia di antara seorang individu dengan individu yang lain (Kamus Dewan 1996: 87).

Menurut Asmah Hj Omar (1992: 1):

“Bahasa yang digunakan merupakan sistem lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun sesuatu yang abstrak, supaya dengan demikian, pengguna bahasa dapat memahami sesuatu benda yang diperkatakan itu.”

Labov (1976) dalam S. Nathes (1991:72) berpendapat bahawa bahasa merupakan satu perlakuan sosial. Kata beliau, bahasa digunakan oleh manusia dalam hubungan sosial

iaitu untuk menyampaikan kehendak, pandangan dan perasaan mereka antara satu sama lain.

2.3 Strategi Pembelajaran Bahasa:

Tarone (1983: 67) telah mentakrifkan strategi pembelajaran bahasa sebagai:

“Satu percubaan untuk membina kecekapan linguistik dan sosiolinguistik dalam bahasa sasaran ... untuk menggabungkannya dalam kemahiran antarabahasa seseorang.”

Menurut Rubin (1987: 22) pula:

“... ialah strategi yang menyumbang kepada pembentukan sistem bahasa yang dibina oleh pelajar dan memberi kesan kepada pembelajaran secara langsung.”

O'Malley dan Chamot (1990: 1) pula mendefinisikannya sebagai:

“Satu pemikiran atau tingkahlaku khusus yang digunakan oleh individu untuk membantu mereka memahami, belajar atau menyimpan maklumat baru.”

Oxford (1992/1993: 18) menghuraikannya dengan terperinci dan jelas sebagai:

Proses tingkahlaku, langkah-langkah atau teknik yang digunakan oleh pelajar (selalunya secara sengaja) untuk memperbaiki kemajuan mereka dalam membina kemahiran bahasa kedua. Strategi ini boleh memudahkan penerimaan, penyimpanan, perolehan kembali atau penggunaan bahasa yang baru. Strategi adalah alat untuk membangkitkan penglibatan sendiri yang penting dalam membina kemampuan komunikatif.

Naiman dan rakan-rakannya (1978) dalam Peter Yongqi Gu (1996: 4) semasa mengkaji strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar bahasa yang berjaya telah mengemukakan 5 kategori utama strategi pembelajaran bahasa iaitu :

- i- menggunakan pendekatan tugas dengan aktif
- ii- menyedari fungsi bahasa sebagai satu sistem
- iii- menyedari peranan bahasa dalam komunikasi dan interaksi
- iv- pengurusan keperluan afektif
- v- mengawasi penguasaan bahasa kedua.

O'Malley et al. (1985: 582) telah membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada 3 kategori iaitu:

- i- Strategi Metakognitif yang merangkumi perancangan aktiviti pembelajaran, mengawasi proses pembelajaran dan menilai kembali pembelajaran
- ii- Strategi Kognitif yang lebih tertumpu kepada tugas yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembelajaran seperti pengulangan, penterjemahan, pengelasan mengambil nota penggabungan, pemindahan dan lain-lain.
- iii- Strategi Sosioafektif yang berkaitan dengan aktiviti pengantaraan sosial dan berurusan dengan orang lain seperti bekerjasama dan bertanya soalan untuk penjelasan.

Walau bagaimanapun, penulis memfokuskan kajian ini ke atas strategi pembelajaran bahasa yang dikemukakan oleh Oxford (1990: 17). Beliau telah membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada strategi secara langsung dan strategi secara tidak langsung. Strategi secara langsung mengandungi strategi memori, kognitif dan

pampasan. Pelajar berinteraksi secara langsung dengan bahasa sasaran untuk menghasilkan sesuatu objektif menerusi aktiviti dan tugas. Strategi tidak langsung pula terdiri daripada strategi metakognitif, afektif dan sosial. Pelajar menjadikannya sebagai pengawal atau pendorong dalaman semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran (sila rujuk Lampiran E). Kumpulan strategi pembelajaran bahasa menurut Oxford (1990) adalah seperti berikut:

A. Strategi secara langsung:

1) Strategi Memori:

Strategi ini juga dikenali sebagai mnemonik. Ia sangat penting dalam membantu pelajar menyimpan maklumat dan mengeluarkannya bila diperlukan. Guru sering beranggapan bahawa penguasaan perbendaharaan kata adalah aspek yang mudah dalam pembelajaran. Malangnya pelajar pula sebenarnya menghadapi masalah yang serius untuk mengingati jumlah perbendaharaan kata yang banyak, jauh sekali dari menggunakannya di situasi yang betul.

Strategi memori membantu pelajar menangani masalah ini yang membolehkan pelajar menyimpan bahan verbal dan mengeluarkannya semula apabila diperlukan di dalam komunikasi. Strategi Memori mempunyai komponen-komponen berikut:

- i- Mencipta rantaian mental:
 - a. Klasifikasi item leksikal kepada unit bermakna secara mental atau bertulis. Klasifikasi ini boleh dibuat mengikut jenis kata kerja, kata nama, topik, sinonim, antonim dan sebagainya.

- b. Menghubungkan item leksikel dengan sesuatu yang mempunyai pertalian konsep yang telah diketahui.
- c. Meletakkan item leksikel baru dalam satu konteks tertentu menggunakan ayat, dialog atau cerita supaya mudah difahami dan diingati.

ii- Aplikasi imej dan bunyi:

- a. Penggunaan imejan untuk dihubungkan dengan bunyi item leksikel baru dengan gambaran minda, lukisan atau objek yang konkrit.
- b. Pemetaan semantik. Satu item leksikel dipilih dan diletakkan di tengah atau di atas sebuah rajah. Beberapa item leksikel lain yang berkaitan disusun di sekeliling atau di bawahnya dan disambung kepada item leksikel tadi oleh garisan anak panah.
- c. Penggunaan kata kunci dengan menggunakan auditori atau lingkaran visual. Langkah pertama ialah mencari perkataan yang telah diketahui yang mempunyai bunyi seperti perbandingan kata baru. Langkah kedua, mengadakan perbandingan imej antara perkataan lama dengan item leksikel baru.
- d. Menampilkan bunyi dalam memori. Beberapa item leksikel baru dan lama yang mempunyai bunyi yang hampir sama digandingkan supaya mudah diingati.

iii- Latih tubi yang baik:

- a. Latih tubi berstruktur. Ia dilakukan dengan melakukan latih tubi bahan baru pada selang masa yang terancang bermula dengan selang masa yang pendek hinggalah ke selang masa yang lebih panjang. Dimulakan

setiap 30 menit, kemudian setiap jam, kemudian setiap 6 jam, kemudian setiap hari, kemudian setiap minggu dan seterusnya sehingga bahan baru tersebut menjadi kebiasaan dan akan diingat secara semulajadi dan spontan.

iv- Mengendalikan gerak kerja:

- a. Menggunakan tindakbalas fizikal atau pancaindera. Setiap kali memperkenalkan ungkapan baru, ia disertai dengan pergerakan fizikal, tindakbalas pancaindera atau isyarat non-verbal yang bermaksud menghuraikan ungkapan baru tersebut.
- b. Menggunakan alat bantuan atau objek untuk menerangkan maksud item baru tersebut. Alat ini mestilah boleh dilihat, disentuh, didengari, dirasakan atau dihidu.

2. Strategi Kognitif

Strategi mental ini digunakan untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Pelajar perlu mengaplikasi aktiviti secara terancang dan praktikal. Ini amat penting untuk membantu merangsang potensi mereka dalam usaha memupuk kemahiran membaca, memahami dan menghurai teks serta kemahiran penulisan. Strategi Kognitif mengandungi komponen-komponen berikut:

i-Pelaziman:

- a. Unsur pengulangan amat penting di mana percakapan dan perlakuan penutur bahasa sasaran ditiru berulang-kali hingga menjadi tabiat.

- b. Pelaziman yang dibuat secara formal pada ungkapan bahasa sasaran meliputi antonansi, gaya pengucapan, kelantangan hinggalah sistem penulisannya.
- c. Mengenalpasti corak ungkapan bahasa sasaran dalam konteks yang tepat dan mencari peluang mempraktikkannya seberapa kerap yang boleh.
- d. Menyambung ungkapan yang telah dikuasai dengan ungkapan baru supaya dapat digabungkan dalam ayat yang lebih panjang dan bermakna.
- e. Berlatih menggunakan ungkapan baru dalam situasi semulajadi seperti semasa berbual, bercerita, berbincang atau menulis surat.

ii- Menerima dan menghantar mesej:

- a. Pelajar cuba mengenalpasti ide atau konsep utama dalam mesej yang diterima secara pemerhatian menyeluruh atau mengemukakan persoalan. Sebagai contoh, untuk memahami teks, pelajar tidak bergantung kepada penterjemahan setiap perkataan tetapi memahami konsep melalui pemerhatian terhadap keseluruhan ayat atau mencari idea dengan mencetuskan persoalan dari ayat tersebut dan mencari jawapannya.
- b. Menggunakan sumber bercetak atau bukan bercetak untuk memahami mesej yang diterima atau untuk menghantar mesej semasa berinteraksi.

- iii- Menganalisa dan membuat pertimbangan:
- a. Membuat pertimbangan secara deduktif. Pelajar cuba mengaplikasikan kaedah pengungkapan atau tata bahasa yang dipelajari bermula dari tahap umum hinggalah ke tahap yang lebih spesifik ke atas bahasa sasaran.
 - b. Menganalisa maksud ungkapan dengan membahagikannya kepada bahagian-bahagian kecil yang difahami.
 - c. Melakukan analisa perbandingan dengan mencari persamaan dan perbezaan dari pelbagai sudut (bunyi, item leksikal, tata bahasa dan sebagainya) antara bahasa sasaran dengan bahasa pertama.
 - d. Penterjemahan juga boleh digunakan dengan menukarkan ungkapan bahasa sasaran ke bahasa pertama atau sebaliknya sebagai asas untuk memahaminya.
 - e. Pemindahan bahasa iaitu aplikasi pengetahuan tentang perkataan, konsep atau struktur dari bahasa pertama ke bahasa sasaran atau sebaliknya untuk memahami atau melahirkan ungkapan dalam bahasa sasaran.
- iv- Membina struktur input dan output:
- a. Mengambil nota menggunakan teknik tertentu yang sistematik, berkesan dan menarik seperti peta minda, pemetaan semantik dan senarai semak.
 - b. Meringkaskan maklumat dari teks yang panjang.
 - c. Menanda maklumat penting dalam teks dengan garisan, warna atau simbol yang mempunyai maksud tertentu.

3. Strategi Pampasan:

Ia merupakan strategi mencari gantirugi yang dapat membantu pelajar mengatasi masalah yang disebabkan jurang maklumat dalam usaha meneruskan komunikasi secara lisan atau penulisan. Interaksi menggunakan bahasa sasaran mungkin terganggu atau tidak lancar kerana pelajar kurang menguasai sesetengah tatabahasa atau perkataan yang sesuai. Pelajar mungkin membiarkan ayat atau ungkapannya tergantung sebelum mesej dapat disampaikan dengan sempurna.

Komponen-komponen dalam Strategi Pampasan berikut mungkin boleh menyelesaikan masalah ini:

- i- Meneka secara intelektual:
 - a. Pelajar cuba meneka maksud ungkapan baru dengan menggunakan kekunci struktur linguistik dari mana-mana bahasa yang telah diketahui.
 - b. Meneka maksud ungkapan baru menggunakan kekunci bukan struktur linguistik iaitu pengetahuan am seperti pengetahuan tentang konteks, situasi, budaya dan cara ia dipersembahkan.
- ii- Menjangkau batasan bertutur dan menulis:
 - a. Menggunakan peralihan kod atau "*code-switching*" antara bahasa pertama dan bahasa sasaran dalam satu ayat.
 - b. Meminta bantuan orang lain jika menghadapi masalah semasa menggunakan bahasa sasaran dalam interaksi.
 - c. Menggunakan isyarat atau simbol untuk menyambung interaksi jika terlupa perkataan yang sesuai.

- d. Mengelak dari meneruskan interaksi sama ada pengelakan keseluruhan atau sebahagian interaksi dengan meninggalkan topik atau ungkapan tertentu.
- e. Memilih hanya topik atau ungkapan bahasa sasaran yang telah dikuasai.
- f. Menggunakan teknik aproksimasi dan pengubahsuaian dengan menggunakan item leksikal bahasa sasaran yang berbeza tetapi hampir sama konsepnya, terutama jika terpaksa menggunakannya berulang-kali.
- g. Mencipta istilah baru hasil gabungan 2 perkataan bahasa sasaran untuk menerangkan ungkapan tertentu.
- h. Menggunakan sinonim atau huraian konsep (*circumlocution*) untuk menjelaskan maksud.

B. Strategi secara tidak langsung:

Ia dinamakan strategi secara tidak langsung kerana ia menyokong dan mengendalikan pembelajaran bahasa tanpa melibatkan bahasa sasaran secara langsung. Strategi ini dipraktikkan beriringan dengan strategi secara langsung. Ia mengandungi strategi metakognitif, afektif dan sosial.

1. Strategi Metakognitif

Metakognitif ialah berfikir tentang proses berfikir dan melibatkan aras pemikiran yang tinggi. Pelajar bahasa sering keliru ketika berhadapan dengan terlalu banyak perbendaharaan kata baru, tatabahasa baru, ungkapan baru dan sebagainya menyebabkan mereka hilang daya tumpuan. Oleh itu, mereka perlu belajar

mengorganisasi operasi pemikiran supaya data yang diterima dapat dikenalpasti keutamaan dan kepentingannya. Ia kemudiannya disusun dengan teratur dalam memori mengikut aras yang sesuai dan mudah diingat kembali apabila diperlukan.

Metakognisi melibatkan individu sedar tentang cara mereka berfikir cara mereka meneroka pelbagai kaedah menyelesaikan masalah, cara mereka melibatkan diri dalam pengalaman pembelajaran secara intelektual yang disorong oleh motivasi sendiri dan semangat ingin tahu yang dipandu oleh perasaan, naluri, akal, rohani, dan sahsiah demi menghasilkan sesuatu yang maujud. (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999: 75).

Operasi Strategi Metakognitif merangkumi penumpuan terhadap pembelajaran, merancang dan menyusun pembelajaran serta menilai pembelajaran.

- i- Penumpuan terhadap pembelajaran:
 - a. Mengenalpasti item yang baru dipelajari dari sudut keseluruhan konsep, elemen dan kegunaannya dan seterusnya membina perkaitan dengan maklumat yang telah sedia ada.
 - b. Memberi tumpuan mendalam terhadap item yang dipelajari dan mengenalpasti aspek yang memerlukan lebih perhatian.
 - c. Memupuk 4 kemahiran asas berbahasa iaitu mendengar, membaca, bertutur dan menulis mengikut turutan seperti mendahulukan pementapan kemahiran mendengar sebelum beralih kepada penguasaan kemahiran bertutur.

ii- Menyusun dan merancang pembelajaran:

- a. Mencari seberapa banyak cara yang boleh untuk mempertingkatkan mutu pembelajaran bahasa dan cuba mempraktikkan bahasa sasaran dengan membaca buku dan berbual dengan orang lain.
- b. Mengorganisasi situasi, persekitaran dan penjadualan masa yang membolehkan pembelajaran bahasa sasaran dapat dilaksanakan secara optimal.
- c. Meletakkan sasaran jangka pendek dan jangka panjang tentang apa yang patut diperolehi dari pembelajaran bahasa sasaran dalam tempoh tertentu.
- d. Mengenalpasti mesej yang hendak disampaikan oleh teks bahasa sasaran yang didapati di dalam kehidupan secara praktikal dari akhbar, media, permainan, surat-menyurat dan interaksi dengan orang lain dalam urusan keperluan harian.
- e. Merancang elemen dan struktur bahasa sasaran yang ingin digunakan dalam tugas. Ia melalui 4 langkah iaitu mengenalpasti tugas atau situasi, menentukan item yang diperlukan, menyemak sumber linguistik yang dimiliki pelajar dan menentukan elemen dan fungsi tambahan yang sesuai untuk tugas atau situasi tersebut.
- f. Mengintai atau mencetuskan sendiri peluang untuk mempraktikkan bahasa sasaran dengan membaca, menyertai aktiviti atau menonton filem yang menggunakan bahasa sasaran.

iii- Memantau dan menilai pembelajaran:

- a. Pemantauan sendiri dilakukan untuk memperbaiki kelemahan diri sendiri semasa menggunakan bahasa sasaran. Kelemahan dan

kesilapan ini tidak dianggap kesalahan, malah ia boleh dimanipulasi untuk memperbaiki mutu berbahasa. Pelajar mengamati output dengan mencari kelemahan dan kesilapan bahasa yang dilakukan, cuba memperbaiki kesilapan tersebut dan kembali mengolah output dengan lebih sempurna.

- b. Penilaian sendiri juga dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan bahasa sasaran samada kekal pada tahap awal, merosot atau bertambah baik. Pelajar perlu mencapai sasaran yang objektif dalam tempoh tertentu untuk memajukan diri merentasi fasa bahasantara menghampiri destinasi bahasa sasaran.

2. Strategi Afektif

Strategi Afektif merujuk kepada pengawalan emosi, atitud, motivasi dan nilai sendiri pelajar semasa sesi pembelajaran bahasa sasaran. Tidak dinafikan, perasaan negatif seperti bimbang, rendah diri, malu, gelisah, ketegangan, gemuruh, ragu-ragu, takut menghadapi kesilapan atau risiko, sukar menerima pembaharuan dan hilang keyakinan diri adalah faktor yang melambatkan perkembangan bahasa individu.

Komponen-komponen strategi ini ialah:

- i- Mengurangkan tahap kebimbangan:
 - a. Menggunakan teknik pengenderuran otot muka dan leher secara berperingkat, bernafas sedalam mungkin dan bermeditasi adalah terapi yang boleh dimanfaatkan untuk memperolehi ketenangan emosi.
 - b. Mendengar muzik dan pembelajaran berirama juga boleh merehatkan emosi.

- c. Lawak jenaka boleh diselitkan supaya sesi pembelajaran lebih seronok dan menarik.

ii- Dorongan sendiri:

- a. Beri galakan yang membakar semangat positif ketika bercakap dengan diri sendiri (monolog) atau menulis catatan untuk diri sendiri.
- b. Menghadapi risiko dengan bijak dan yakin dalam apa sahaja situasi pembelajaran bahasa sasaran. Kesilapan tidak dianggap kesalahan atau kebodohan tetapi merupakan peluang untuk memperbaiki mutu bahasa.
- c. Memberi ganjaran kepada diri sendiri jika telah mencapai sesuatu tahap penguasaan yang baik dalam bahasa sasaran.

iii- Mengawasi gelombang suhu emosi :

- a. Menyedari isyarat gelombang emosi dalam diri sama ada positif atau negatif dan bijak menanganinya.
- b. Pelajar lebih mengenali diri sendiri sekiranya memiliki senarai semak perubahan perasaan , atitud dan motivasi diri sendiri yang berkaitan pembelajaran bahasa sasaran.
- c. Mencatat perasaan dan persepsi diri terhadap peristiwa dan pengalaman yang ditimba sepanjang sesi pembelajaran bahasa sasaran.
- d. Berbincang dan meluahkan perasaan yang dialami semasa belajar bahasa sasaran dengan orang lain seperti guru, rakan dan keluarga.

3. Strategi Sosial

Bahasa ialah alat berkomunikasi. Belajar bahasa bukan sekadar menghafal banyak perbendaharaan kata, menguasai kaedah tata bahasa dan mengkaji struktur bahasa. Ia merupakan satu elemen penting dalam tingkahlaku sosial dan komunikasi yang berlaku dalam interaksi dua hala antara manusia. Justeru, susunatur kelas untuk pembelajaran bahasa mestilah boleh diubahsuai mengikut jenis aktiviti pembelajaran. Pelajar perlu dirangsang untuk lebih banyak berinteraksi dan bekerjasama menggunakan bahasa sasaran.

Strategi Sosial mengandungi komponen-komponen berikut:

- i- Bertanya soalan:
 - a. Bertanya untuk mendapatkan penjelasan dan pengesahan jika berlaku kekeliruan dalam bahasa sasaran adalah amat digalakkan. Pelajar boleh bertanya soalan atau meminta guru mengulang, menghurai atau memberi contoh dengan cara dan kadar kelajuan yang boleh difahami.
 - b. Meminta seseorang membetulkan kesilapan semasa bercakap atau menulis dalam bahasa sasaran.

- ii- Bekerjasama dengan orang lain:
 - a. Bekerjasama dengan rakan sekeliling yang sama-sama mempelajari bahasa sasaran. Pembelajaran berkumpulan sesuai untuk strategi ini.
 - b. Bekerjasama dengan penutur asal atau pengguna yang mahir dalam bahasa sasaran supaya peniruan ke atas model boleh dilakukan.

iii- Penyesuaian dan empati:

- a. Membina persefahaman dengan budaya bahasa sasaran dan penuturnya supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan mudah. Pelajar akan merasa dirinya seganding dengan penutur bahasa sasaran dan mampu menikmati bahasa tersebut secara spontan kerana telah berjaya menjiwainya.
- b. Menyelami pemikiran dan perasaan orang lain.

Oxford (1990: 9) juga telah menggariskan ciri-ciri strategi pembelajaran bahasa seperti berikut:

- i- menyumbang kepada sasaran utama iaitu kecekapan komunikatif
- ii- membenarkan pelajar menjadi lebih berdikari
- iii- mengembangkan peranan guru bahasa
- iv- berorientasikan penyelesaian masalah
- v- tindakan tertentu dan bermakna yang diambil oleh pelajar
- vi- melibatkan pelbagai aspek, tidak terhad kepada aspek kognitif
- vii- membantu proses pembelajaran secara langsung atau tidak langsung
- viii- tidak semestinya boleh dilakukan pemerhatian
- ix- selalunya dilakukan secara sedar
- x- boleh diajar dan dipelajari
- xi- fleksibel
- xii- dipengaruhi oleh pelbagai faktor

Di dalam kajian ini, penulis menyesuaikan strategi pembelajaran bahasa yang diperkenalkan oleh Oxford (1990) ini untuk digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Adalah diharapkan agar ia boleh menjadi alternatif baru kepada guru dan pelajar

untuk mencorakkan gaya pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif dan menarik.

2.4 Strategi Pembelajaran Bahasa Merentas KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan sistem pendidikan di Malaysia yang digubal untuk mempertingkatkan mutu pendidikan negara. Ia menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu merangkumi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Tan Sri Wan Mohd.Zahid Mohd.Nordin pernah membentangkan kertas kerja bertajuk "Idea Dan Amalan Dalam Sistem Pendidikan Negara Ke Arah Melahirkan Masyarakat Berfikir " yang dibentangkan dalam Seminar "Pendidikan Ke Arah Membina Masyarakat Berfikir" pada 4 Oktober 1993 di Subang, Selangor Darul Ehsan, (dalam Azizul Rahman Abdul Rahman, 1995: 1), di antara lain menyarankan:

1. Guru perlu menggariskan dan melaksanakan pendekatan pengajaran sendiri di sekolah masing-masing.
- 2- Pelajar perlu mendapat pendedahan dari segi kemahiran, pemerhatian dan kebebasan membuat rumusan untuk melahirkan keyakinan diri dan tidak semata-mata menimba ilmu berpandukan kurikulum dalam buku teks.
- 3- Pelajar seharusnya dibudayakan untuk memonopoli bilik darjah dengan memberi peluang kepada mereka untuk berfikir, berbincang, berhujah dan melakukan uji kaji dan amali.

- 4- Pendidikan bukan setakat di bilik darjah tetapi seharusnya diikuti dengan amali di luar bilik darjah kerana proses itu akan menajamkan lagi potensi intelek dan kemahiran memerhati, merekod, menganalisis, merumus dan berfikir.

Strategi pembelajaran bahasa yang disarankan oleh KBSM adalah berpusatkan pelajar. Semasa pembelajaran bahasa, pelajar terdedah kepada pendekatan yang merujuk kepada prinsip yang berkaitan dengan sifat-sifat semulajadi pembelajaran. Ciri-ciri pendekatan behaviouris, mentalis dan pembelajaran sosial boleh dimanfaatkan oleh pelajar di bawah bimbingan guru yang elektik dengan mengambil kira faktor perbezaan individu, tahap, situasi dan keperluan.

Seterusnya kaedah pembelajaran mestilah disusun melalui beberapa prosedur yang teratur, kemas dan berperancangan untuk mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Oleh itu, sewajarnya pelajar diberi peluang memilih teknik tertentu menerusi aktiviti pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

Mengikut pendekatan komunikatif, tujuan pengajaran bahasa adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kecekapan berbahasa dan berkomunikasi. Walaupun pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada komunikasi, peranan tatabahasa tidak diabaikan. Kecekapan linguistik itu dianggap sebagai asas dalam kecekapan bahasa. Menurut Mat Taib bin Pa (2001), nahu juga merupakan ilmu yang bersepadu dengan ilmu-ilmu bahasa yang lain dan tidak dapat dipisahkan dari bahasa itu sendiri. Menurutnya lagi, nahu merupakan kaedah atau rumus yang membantu penggunaan bahasa yang betul, walaupun tanpa menggunakan istilah-istilah yang khusus.

Canale dan Swain (1980) dalam Tunku Mohani Tunku Mohtar (1994: 13) menerangkan bahawa kecekapan komunikatif merangkumi empat aspek kecekapan:

- i- Kecekapan Sociolinguistik:
Penggunaan bahasa dilihat daripada perspektif peraturan sosial dan kebudayaan. Makna pertuturan itu disesuaikan dengan peraturan sosial.

- ii- Kecekapan Linguistik:
Bahasa dilihat pada penggunaan ayat dan tata bahasa yang betul.

- iii- Kecekapan Strategik:
Bahasa sebagai alat komunikasi secara verbal dan nonverbal digunakan untuk mengatasi masalah apabila perhubungan tidak dapat diteruskan dan juga untuk menambah keberkesanan perhubungan.

- iv- Kecekapan Wacana:
Nahu dan makna digunakan untuk menghasilkan satu teks (lisan atau bertulis) dalam beberapa bentuk iaitu laporan, cerita, syarahan, ucapan dan lain-lain.

Untuk lebih memahami pelaksanaan konsep pendekatan komunikatif dalam KBSM, Tunku Mohani Tunku Mohtar (1994: 17) telah menggariskan beberapa prinsip iaitu:

- i- Bahasa diperolehi dan dipelajari dalam konteks yang bermakna. Aktiviti yang dirancang untuk melibatkan pelajar dalam proses komunikasi yang

sebenar, mestilah mempunyai struktur bahasa yang sesuai dengan konteks komunikasi.

- ii- Bahan pengajaran mestilah sebuah teks atau wacana. Bahan tersebut mestilah merupakan hasil penulisan yang bermakna. Bahasa yang digunakan di dalamnya adalah bahasa dalam situasi sebenar.
- iii- Pengajaran disesuaikan mengikut kehendak dan minat pelajar. Mereka mengetahui dan memahami bahawa aktiviti itu berguna. Pengajaran bertumpu kepada pelajar (*learner centered*).
- iv- Penggunaan bahasa yang sebenar untuk komunikasi memerlukan kecekapan komunikatif. Pendedahan kepada kemahiran komunikatif yang sebenar adalah penting untuk memberi keyakinan kepada pelajar.
- v- Guru memainkan beberapa peranan, antaranya sebagai fasilitator, pengurus atau penasihat untuk menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam situasi komunikasi yang sebenar. Ini penting untuk memberi keyakinan kepada pelajar.

‘Abdul Ṣabūr Syāhīn (1986: 30) dalam Abdul Hadi (1998: 56) berpendapat pendekatan pengajaran komunikasi sebagai teknik yang lahir kesan dari kegagalan teknik terjemahan, iaitu mengajar bahasa asing melalui bahasa asing itu sendiri tanpa menggunakan perantaraan samada bahasa pelajar atau bahasa lain yang dikuasainya.

2.5 Perkembangan Kurikulum Bahasa Arab di Malaysia

Guru berperanan sebagai pemudahcara perlu memahami dengan jelas status bahasa Arab dalam konteks pendidikan di Malaysia. Ini penting bagi guru untuk menentukan halatuju yang disasarkan semasa merancang strategi dan aktiviti dalam sesi pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun.

Akta Pendidikan 1996 (dalam JAPIM, 2002: 1) menyatakan dengan jelas status bahasa Arab seperti berikut:

Seksyen 2 (d) di mana kemudahan bagi pengajaran:-

(iii) ... **bahasa Arab**, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana-mana bahasa-bahasa asing lain boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian ;

Setelah mengenalpasti status bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia, guru perlu memilih pendekatan dan bahan yang sesuai untuk didedahkan kepada pelajar menerusi aktiviti pembelajaran. Pendekatan dan bahan ini tentulah berbeza dengan pendekatan dan bahan yang digunakan untuk mempelajari bahasa ibunda atau bahasa pertama.

Bagi pelajar, bahasa Arab memang asing dan jarang digunakan dalam kehidupan seharian mereka sebelum ini. Oleh itu, mereka perlu dibimbing bagaimana cara yang berkesan untuk mempelajari bahasa ini dan seterusnya menguasainya berdasarkan keperluan terkini.

Perlaksanaan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dinyatakan dalam Jadual 3, Jadual 8 dan Jadual 9 Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum

Kebangsaan 1997) dalam JAPIM (2002: 1) ialah Bahasa Arab Komunikasi dikategorikan sebagai salah satu Mata Pelajaran Tambahan dan Bahasa Arab Tinggi pula dikategorikan sebagai salah satu Mata Pelajaran Elektif dalam Kumpulan Kemanusiaan.

Pembelajaran bahasa Arab dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan harian dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) tertentu. Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan kepada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi ditawarkan kepada pelajar menengah atas iaitu tingkatan empat dan lima yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jadual 13 dan Jadual 14, Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 dalam JAPIM (2002: 1) memperuntukkan waktu minimum seminggu bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ialah 6 waktu minimum x 40 minit dan bagi mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi pula ialah 4 waktu minimum x 40 minit. Peruntukan waktu ini perlu diisi dengan set aktiviti pembelajaran yang bertepatan dengan matlamat pengajaran Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi.

Oleh itu, guru mestilah memahami sepenuhnya matlamat pengajaran mata pelajaran ini, objektif yang digariskan dan kandungan sukatan pelajarannya. Semua ini perlu diadun bersama penggunaan bahan yang efisien dan penilaian yang menyeluruh.

Matlamat pengajaran Bahasa Arab Komunikasi adalah untuk membolehkan pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar,

bertutur, membaca dan menulis dengan memberikan penekanan kepada kemahiran bertutur, menambah perbendaharaan kata dan meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakannya dengan tepat serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni (JAPIM; 2002: 4).

Matlamat pengajaran Bahasa Arab Tinggi di peringkat menengah atas atas memberi ruang untuk menghargai dan memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an al-Karim dan bahasa ilmu untuk menguasai maklumat dan kemahiran berbahasa supaya dapat memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakannya dengan tepat di samping memperluaskan pengetahuan dan menikmati keindahan berbahasa (JAPIM, 2002: 4)

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ialah (JAPIM, 2002: 6):

- (i) Kemahiran-kemahiran bahasa yang terdiri daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
- (ii) Sistem bunyi
- (iii) Tatabahasa
- (iv) Kata-kata hikmat dan perumpamaan
- (v) Perbendaharaan kata

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tinggi ialah (JAPIM, 2002: 6):

- (i) Kemahiran-kemahiran bahasa (iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis)
- (ii) Tatabahasa
- (iii) Retorika
- (iv) Teks Sastera

- (v) Kata-kata hikmah dan perumpamaan
- (vi) Perbendaharaan kata

2.6 Tinjauan Kajian Berkaitan:

Terdapat banyak kajian dan tesis telah dijalankan menggunakan *Strategy Inventory for Language Learning (SILL)* yang disusun oleh Oxford. Kesemua kajian ini melibatkan ramai pelajar bahasa di seluruh dunia yang mempelajari pelbagai bahasa termasuklah belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa Perancis, Sepanyol, Jerman dan lain-lain sebagai bahasa asing.

Semasa menghubungkan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian, para pengkaji sering memaparkan hipotesis berikut:

- i- pelajar bahasa yang berjaya lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa daripada pelajar yang kurang berjaya
- ii- pelajar bahasa yang berjaya lebih cenderung menggunakan strategi yang aktif

Wenden (1985:7) berpendapat:

“Unsuccessful learners’ inability to learn is due to their not having an appropriate repertoire of learning strategies and that ineffective learners are inactive learners”.

Kupasan kajian Politzer (1983) telah mendapati wujudnya perkaitan antara tingkahlaku pembelajaran bahasa dan pencapaian bahasa asing. Kajian dilakukan di kalangan sekumpulan 90 orang pelajar sarjana muda yang mempelajari bahasa Perancis, Sepanyol dan Jerman sebagai bahasa asing di Universiti Stanford. Analisa siasatan

soalselidik memperlihatkan terdapat hubungkait antara tingkahlaku pembelajaran bahasa yang merangkumi tingkahlaku pembelajaran secara umum, tingkahlaku dalam kelas dan tingkahlaku semasa berinteraksi dengan pencapaian bahasa asing.

Oxford dan rakan-rakannya (Ehrman dan Oxford, 1989: 1; Oxford dan Nyikos, 1989: 291; Oxford, Nyikos dan Ehrman, 1988: 321) telah mengendalikan beberapa kajian menggunakan *Strategy Inventory for Language Learning* susunan Oxford. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa motivasi, jantina dan keupayaan penguasaan dalaman individu mempunyai kesan yang kuat dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa. Latar belakang budaya, umur, tujuan belajar bahasa, pengalaman pembelajaran bahasa yang lalu, keadaan psikologi, tempoh pembelajaran dan jurusan akademik juga mempengaruhi keputusan yang diambil oleh pelajar dalam memilih strategi pembelajaran bahasa.

Pelajar yang bermotivasi tinggi menggunakan lebih kerap dan lebih banyak strategi daripada pelajar yang bermotivasi rendah. Perempuan didapati lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa daripada lelaki. Pelajar bahasa yang berjaya dan memiliki keupayaan penguasaan sendiri yang tinggi menggunakan lebih banyak strategi daripada pelajar yang kurang menonjol sebagai pelajar bahasa yang berjaya. Dapatan yang sama juga diperolehi oleh Green dan Oxford (1995: 261).

Penerapan item tertentu dalam strategi pembelajaran bahasa sering dikaitkan dengan pencapaian kemahiran tertentu. Sebagai contoh, penerapan strategi kognitif sering dikaitkan dengan keupayaan pelajar mengingat kembali perbendaharaan kata dalam bahasa kedua.

Cohen dan Aphek (1980: 221) dan (1981: 221) menjalankan kajian ke atas sekumpulan penutur bahasa Inggeris yang mempelajari bahasa Hebrew sebagai bahasa kedua di Baitulmaqdis. Pelajar-pelajar ini diberikan penerangan bagaimana cara membuat perkaitan yang boleh membantu mengingat kembali perbendaharaan kata. Kemudian mereka diminta memilih item leksikel sendiri dan mengaplikasi teknik sendiri untuk mengingatinya. Beberapa minggu kemudian, satu ujian akhir (ujian pos) dilakukan tanpa mengambilkira tahap penguasaan bahasa pelajar dan tanpa mengambilkira penggunaan perbendaharaan kata tersebut di luar kelas. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa item leksikel baru dapat diingat kembali dengan jayanya oleh pelajar yang mempraktikkan beberapa strategi berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan apa-apa strategi.

Chang (1991) dalam Oxford dan Burry-Stock (1995: 12) menggunakan SILL untuk menyiasat perkaitan penggunaan strategi pembelajaran dengan kecekapan berbahasa Inggeris sebagai bahasa asing ke atas 50 pelajar tanah besar China dan Taiwan di sebuah universiti di Amerika. Di dalam kajian ini, Chang mendapati strategi pampasan paling banyak digunakan dan yang paling sedikit digunakan ialah strategi afektif. Pelajar jurusan Kemanusiaan dan Sains Sosial lebih banyak menggunakan strategi berbanding pelajar Sains.

Glenn Wharton (2000: 203) telah melakukan kajian ke atas 678 pelajar universiti di Singapura yang mempelajari bahasa Jepun dan Perancis sebagai bahasa asing. Respondan adalah pelajar bilingual (dwibahasa) yang berasal dari latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza. Dapatan kajian menunjukkan strategi sosial paling banyak digunakan. Seperti kajian lain, pelajar yang memiliki motivasi yang tinggi lebih kerap menggunakan strategi, pelajar yang memiliki kecekapan berbahasa yang tinggi

lebih banyak menggunakan strategi tetapi tanpa diduga, pelajar yang paling banyak menggunakan strategi ialah pelajar lelaki.

SILL versi 7.0 pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun oleh Natsumi Wakamoto (2000: 71) yang menjalankan kajian ke atas 222 pelajar junior kolej yang mengambil jurusan bahasa Inggeris. Kajian ini menunjukkan statistik deskriptif terhadap kepelbagaian individu di kalangan pelajar dengan tumpuan kepada kecenderungan ke arah penonjolan diri (*extroversion*) dan pemencilan diri (*introversion*) dan perkaitannya dengan perbezaan penggunaan strategi. Pelajar ekstrovet didapati lebih menggemari strategi yang berbentuk fungsian seperti kognitif, afektif dan sosial.

Kajian terhadap perkaitan kekerapan penggunaan strategi dengan institusi yang berprestij. Watanabe (1990) dalam Oxford dan Burry-Stock (1995: 14) telah menjalankan kajian ke atas 316 pelajar di Jepun. Dia mendapati seorang pelajar dari sebuah unversiti yang paling berprestij menggunakan lebih banyak strategi terutama strategi pampasan dan afektif berbanding pelajar yang datang dari universiti yang kurang berprestij.

Kajian yang dijalankan oleh Bedell (1993) dalam Oxford dan Burry-Stock (1995: 14) pula menyingkap pertalian penggunaan strategi dengan budaya. Graf yang dihasilkan menunjukkan kumpulan budaya yang berbeza menggunakan strategi yang berbeza dengan kekerapan yang berbeza.

2.7 Penutup

Melalui bab ini, penulis membincangkan secara ringkas perkara pokok berkaitan definisi strategi, pembelajaran dan bahasa. Penulis juga telah mengupas dengan terperinci item strategi pembelajaran bahasa yang menjadi intipati kajian ini. Seterusnya penulis meninjau strategi pembelajaran bahasa merentas KBSM, perkembangan kurikulum Bahasa Arab di Malaysia dan tinjauan kajian berkaitan untuk menjelaskan kedudukan dan keperluan kajian ini dijalankan.